

Analisis Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia dari Perspektif Syariah

(An analysis of Child Marriage in Malaysia from Syariah Perspective)

Nurul Ain Hazram* 

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

*Corresponding Author: ainhazram@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/ uij.vol36no02.557>

Abstrak

Perkahwinan bawah umur merupakan perkara yang berlaku bukan sahaja di Malaysia, bahkan di serata dunia. Perkahwinan bawah umur berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya ialah masalah sosial yang berlaku di dalam masyarakat dan ianya juga dikatakan mendatangkan kesan negatif kepada kanak-kanak yang terlibat sehinggakan ramai pihak yang mempersoalkan hukum perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan hukum perkahwinan kanak-kanak dengan membincangkan mengenai kanak-kanak dari perspektif syarak dan juga konsep *ahliyyah* kanak-kanak dalam perkahwinan, seterusnya membuat kesimpulan mengenai perkahwinan kanak-kanak dari perspektif syariah. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dengan menganalisis kitab-kitab *fiqh* muktabar dari pelbagai mazhab dan mengambil kira pandangan *fuqahā'* daripada mazhab yang berbeza agar penerangan mengenai had umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak dapat dijelaskan dengan lebih terperinci. Artikel ini menyimpulkan bahawa syarat *baligh* bukanlah syarat sah perkahwinan, oleh itu kanak-kanak memiliki kelayakan untuk melangsungkan perkahwinan yang menjadikan hukum perkahwinan kanak-kanak itu adalah harus. Namun begitu, keharusan ini tidaklah bermakna bahawa ianya merupakan satu perkara yang digalakkan. Malah, keharusan ini tertakluk kepada *masalah* dan mafsadah yang boleh terhasil daripada perkahwinan tersebut.

Kata kunci: *Ahliyyah, Perkahwinan Bawah Umur, Masalah, Mafsadah, Undang-undang keluarga Islam.*

Abstract

Child marriage is an issue that occurs not only in Malaysia but also worldwide. Child marriages happen due to various factors, including social problems within society, and it is said to have negative effects on the children involved, leading to many questioning the legality of marriages involving children from Islamic perspective. This article aims to explain the laws regarding child marriage by discussing children from the Islamic perspective (*syarak'*) and the concept of *ahliyyah* of children in marriage, and ultimately draw conclusions regarding child marriage from the *syariah* perspective. This study employs the method of document analysis by examining reputable *fiqh* (Islamic jurisprudence) books from various schools of thought and taking into consideration the opinions of *fuqahā'* (Islamic jurists) from different schools of thought to provide a more detailed explanation of the minimum age requirement for child marriage. This article concludes that puberty (*baligh*) is not a requirement for a marriage; thus, children are eligible to enter a marriage, making the child marriage is permissible. However, this permissible does not imply that it is encouraged. Instead, its necessity is subject to the benefits and harms that may arise from such marriages.

Keywords: *Ahliyyah, Child Marriage, Masalah, Mafsadah, Islamic Family Law*

1.0 PENDAHULUAN

Keinginan seksual kepada jantina yang berlawanan adalah merupakan fitrah semula jadi manusia yang diciptakan oleh Allah SWT. Hakikatnya fitrah inilah yang membawa kepada kelangsungan manusia di muka bumi, dan ianya bertepatan dengan firman Allah di dalam surah An-Nisa;

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا
وِنِسَاءً ۚ

“Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai.” (An-nisa, 4:1)

Berdasarkan kepada ayat di atas, jelas menunjukkan bahawasanya Allah lah yang menciptakan manusia daripada Adam dan Hawa dan seterusnya menjadikan keturunan manusia daripada kedua-duanya.

Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan kanak-kanak dan remaja mempunyai keinginan seksual seawal berusia belasan tahun disebabkan oleh perkembangan umur dan perubahan hormon mereka (Che Anuar, 2018) Fitrah ini seharusnya dikawal dengan baik bagi mengelakkan daripada berlakunya pelbagai jenis mafsadah.

Sekiranya tiada bimbingan yang diberikan kepada kanak-kanak dan remaja yang sedang melalui fasa ini, maka dikhuatiri akan berlakunya masalah sosial di dalam masyarakat. Uswatun Hasanah (2018) di dalam kajiannya mendapati bahawa antara faktor berlakunya perkahwinan bawah umur adalah disebabkan oleh masalah sosial seperti seks bebas dan kehamilan luar nikah dikalangan kanak-kanak selain perkahwinan tersebut juga dilihat sebagai satu cara bagi mengelakkan seks bebas dikalangan remaja.

Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK), sejumlah 1542 kanak-kanak yang beragama Islam telah berkahwin pada tahun 2018 daripada keseluruhan jumlah kanak-kanak yang berkahwin iaitu sebanyak 1856 orang kanak-kanak, yang mana baki daripadanya adalah kanak-kanak bukan beragama Islam (UNICEF Malaysia, 2022). UNICEF, (2022) juga melaporkan bahawa daripada keseluruhan kanak-kanak yang dilaporkan telah berkahwin pada tahun 2018, sebanyak 63 peratus daripadanya adalah remaja yang telah hamil. Data ini secara tidak langsung menunjukkan kaitan antara kehamilan dan juga perkahwinan awal kanak-kanak.

Undang-undang di Malaysia menetapkan bahawa umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak perempuan Muslim adalah 16 tahun, manakala bagi kanak-kanak lelaki Muslim adalah 18 tahun, dan umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak yang bukan beragama Islam adalah 18 tahun bagi kedua-dua jantina. Namun begitu, ianya tidak bermakna bahawa perkahwinan di bawah umur minimum adalah terhalang secara mutlak, malah perkahwinan tersebut masih boleh dilangsungkan dengan syarat mendapatkan kebenaran daripada pihak yang berautoriti.

Bagi kanak-kanak di bawah umur minimum perkahwinan yang beragama Islam, mereka hendaklah mendapat kebenaran daripada Mahkamah Syariah untuk melangsungkan perkahwinan tersebut. Memandangkan kebenaran untuk melangsungkan perkahwinan tertakluk kepada kebenaran Hakim Syarie, maka sudah tentu pertimbangan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada pertimbangan *masalah* dan mafsadah yang akan terhasil daripada perkahwinan kanak-kanak tersebut.

Berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh UNICEF (2022), kebanyakan perkahwinan awal kanak-kanak hanya mengakibatkan kesan yang negatif terhadap kanak-kanak yang terlibat, antaranya ialah berpotensi untuk menjadi mangsa keganasan rumahtangga, selain daripada berisiko untuk menghadapi komplikasi kehamilan dan kelahiran. Secara umumnya, perkahwinan bawah umur dilihat sebagai satu perkara yang sepatutnya dihalang secara mutlak kerana dilihat mendatangkan pelbagai mafsadah terhadap kanak-kanak yang terlibat. Namun begitu, sekiranya perkahwinan tersebut ternyata akan mendatangkan mafsadah kepada kanak-kanak yang terlibat, maka mereka yang berautoriti tidak seharusnya membenarkan perkahwinan tersebut, dan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak seharusnya diharamkan secara mutlak.

Namun begitu, dari perspektif Syariah, sesuatu perkara yang harus pada asalnya, tidak boleh dihukumkan sebagai haram, melainkan terdapat perkara yang jelas menyebabkan sesuatu yang harus itu menjadi haram. Oleh itu, artikel ini akan menjawab beberapa persoalan, antaranya ialah, (i) apakah hukum perkahwinan kanak-kanak dalam Islam, dan (ii) adakah syarat baligh menjadi syarat bagi seseorang untuk berkahwin?

2.0 SOROTAN LITERATUR

Isu perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak bukanlah satu isu yang asing. Malah, isu ini kerap dibincangkan beberapa tahun kebelakangan ini oleh pelbagai pihak termasuklah para sarjana, ahli politik dan juga aktivis-aktivis kemanusiaan. Pelbagai kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa perkahwinan bawah umur mendapat tempat di pelbagai negara-negara di dunia.

Dalam satu kajian yang telah dijalankan, seramai 34% wanita muda yang berusia antara 20-24 tahun telah berkahwin sebelum berusia 18 tahun dan 12% daripada mereka telah berkahwin sebelum berusia 15 tahun dalam tempoh tahun 2000-2011, dengan peratusan tertinggi terdapat di Asia Selatan dan Afrika sub-Sahara (Rachel Kidman, 2017). Statistik di negara-negara seperti di Sub-Sahara Afrika menunjukkan kes perkahwinan di bawah usia 18 tahun adalah sebanyak 51 peratus (UNICEF, 2016). Di negara-negara yang sedang membangun seperti Bangladesh, India, Nepal dan Somalia pula menunjukkan peratus perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun adalah sebanyak 44 peratus (United Nations, 2013). Kebanyakan yang terlibat dengan perkahwinan kanak-kanak adalah kanak-kanak perempuan (Aziyah Awal et al, 2018).

Malaysia juga tidak terkecuali daripada perkara ini, apabila pada tahun 2018, sebanyak 1856 kanak-kanak yang telah berkahwin yang mana sebahagian daripada mereka terdiri daripada remaja yang sedang hamil (UNICEF, 2022). Berdasarkan kepada keadaan yang dinyatakan ini, jelas dapat disimpulkan bahawa perkahwinan bawah umur merupakan satu perkara yang sering berlaku, bukan sahaja di dalam Malaysia malah di serata dunia.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya perkahwinan bawah umur, antaranya ialah masalah ekonomi dan kesempitan hidup (Nor Jana Saim et al, 2018), amalan budaya setempat (Fucharia et al, 2018), kemunduran pembangunan dan pendidikan (Free Malaysia Today, 2018), dan masalah sosial seperti seks bebas dan kehamilan luar nikah (Uswatun Hasanah, 2018)(Kohno et al, 2019). Dalam satu kajian lain didapati bahawa antara sebab kebanyakan remaja terjebak dengan masalah sosial adalah disebabkan oleh kurangnya perhatian oleh ibu bapa kerana sibuk bekerja atau disebabkan oleh perpisahan antara ibu dan bapa kanak-kanak tersebut (Rasyid et al, 2018).

Selain itu, perkahwinan bawah umur juga dilihat sebagai salah satu cara untuk mengelakkan perlakuan seks bebas dikalangan remaja (Uswatun Hasanah, 2018). Dalam satu kajian yang dijalankan di Kelantan mendapati bahawa, antara faktor perkahwinan bawah umur dikalangan remaja adalah disebabkan oleh pertimbangan agama (Kohno A et al, 2019). Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan responden yang berkahwin di bawah umur minimum perkahwinan menyedari perbuatan seks sebelum nikah merupakan perkara yang berdosa di sisi agama, selain bertujuan sebagai penyelesaian bagi masalah kehamilan di luar nikah. Dalam satu kajian lain yang telah dijalankan di Sarawak, antara faktor perkahwinan bawah umur adalah disebabkan oleh kehamilan luar nikah, namun kajian ini mendapati bahawa sebahagian daripada responden memilih untuk berkahwin untuk menutup aib kehamilan tersebut daripada menggugurkan kandungan kerana menyedari bahawa perbuatan tersebut adalah merbahaya dan juga berdosa (Kohno A et al, 2020).

Berdasarkan kepada sorotan literatur yang telah dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan perkahwinan bawah umur di kalangan remaja, terutamanya disebabkan oleh masalah sosial seperti seks bebas dan kehamilan di luar kehamilan.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan, kebanyakan perkahwinan kanak-kanak akan mendatangkan kesan negatif kepada kanak-kanak yang terlibat. Antara kesan negatif perkahwinan awal kanak-kanak ialah, kanak-kanak perempuan yang berkahwin awal berpotensi menjadi mangsa keganasan rumah tangga (Rachel Kidman, 2017). Selain itu, mereka juga berpotensi mengalami masalah kesihatan samada fizikal mahupun emosi seperti mengalami kemurungan (Sultana et al, 2017), tekanan kerana dibebani tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu di usia muda (Nour, 2006) (Eucharia et al, 2018) dan selain

Analisis Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia dari Perspektif Syariah

daripada menghadapi masalah kesihatan kerana melakukan hubungan seksual di usia muda selain terpaksa melalui proses kehamilan dan kelahiran yang kerap di usia muda (Eucharia et al, 2018).

Berdasarkan kepada sorotan literatur yang dijalankan, kebanyakannya mendapati bahawa perkahwinan kanak-kanak mendatangkan kesan negatif kepada mereka yang terlibat. Namun begitu, terdapat juga kajian yang menyatakan kesan positif perkahwinan remaja seperti dapat mengelakkan daripada berlakunya kehamilan luar nikah dan kelahiran anak tidak sah taraf (Stein J.S, 2013) dan dapat memelihara maruah keluarga (Kohno A et al, 2020).

Selain itu, dalam satu kajian yang telah dijalankan di kalangan remaja di Kuching, Sarawak mendapati bahawa perkahwinan bawah umur juga mendatangkan manfaat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan remaja di Sarawak berpendapat bahawa perkahwinan usia muda membawa banyak manfaat antaranya dapat mengelakkan maksiat selain menjadikan mereka lebih berdikari, dapat memupuk sikap sabar, membina sikap tanggungjawab dan sentiasa positif (Jana Saim et al,2013).

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan mengenai kesan perkahwinan bawah umur, tidak dapat dinafikan bahawa perkahwinan bawah umur mendatangkan kesan negatif kepada mereka yang terlibat, namun begitu terdapat juga kesan positif daripada perkahwinan awal kanak-kanak seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

Disebabkan kebanyakan dapatan kajian mendapati bahawa perkahwinan kanak-kanak mendatangkan kesan negatif, maka terdapat pelbagai pihak yang menolak perkahwinan bawah umur secara mutlak. Dari perspektif Syariah, hukum perkahwinan secara asasnya terbahagi kepada lima, iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus berdasarkan kepada keadaan-keadaan tertentu. Asasnya hukum perkahwinan adalah harus kepada semua tanpa mengira peringkat umur melainkan datangnya situasi yang menyebabkan sesuatu perkahwinan itu menjadi haram dan sebagainya.

Terdapat juga beberapa kajian yang dijalankan mengenai perkahwinan bawah umur dari perspektif syariah. Sebagai contoh, terdapat satu kajian yang membincangkan mengenai konflik antara kuasa wali mujbir dalam menikahkan anak perempuan di bawah umur 16 tahun dan penetapan umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak perempuan iaitu 16 tahun. Kajian ini mendapati bahawa, walaupun wali mujbir mempunyai kuasa untuk menikahkan anak mereka yang berumur di bawah umur minimum perkahwinan, namun kuasa wali untuk menikahkan anak perempuan mereka adalah tertakluk kepada kebenaran yang diberikan oleh Mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia (Madiah et al,2011).

Dalam satu kajian lain yang telah dijalankan mengenai penetapan had umur minimum perkahwinan berdasarkan undang-undang keluarga Islam di Malaysia, kajian ini menyimpulkan bahawa penetapan had umur minimum perkahwinan dan pemberian kuasa kepada Mahkamah dalam meluluskan sesebuah perkahwinan kanak-kanak adalah bersesuaian dengan keadaan semasa di Malaysia (Zanariah, 2013).

Berdasarkan kepada sorotan literatur yang telah dijalankan, secara kesimpulannya perkahwinan bawah umur berlaku disebabkan oleh masalah sosial di dalam masyarakat. Walaupun kajian mendapati bahawa perkahwinan awal kanak-kanak akan memberi kesan negatif kepada kanak-kanak yang terlibat, namun tidak dapat dinafikan bahawa perkahwinan ini juga boleh memelihara kemaslahatan kanak-kanak yang terlibat.

Walaupun perkahwinan awal kanak-kanak dilihat mendatangkan kesan negatif sehingga perlu dibanteras secara mutlak, perkahwinan kanak-kanak masih lagi berlaku setelah mendapat kebenaran daripada mereka yang berautoriti. Tambahan pula, berdasarkan kepada sorotan literatur yang telah dijalankan, kebanyakannya bersetuju dengan had umur minimum perkahwinan yang telah ditetapkan oleh Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Namun begitu, penetapan yang dilakukan bukanlah bermaksud bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah tertolak secara mutlak walaupun kebanyakan kajian yang telah dijalankan menyatakan mengenai keburukan perkahwinan awal kanak-kanak.

Oleh itu, menjadi persoalan apakah hukum perkahwinan awal kanak-kanak? Secara logiknya, sekiranya sesuatu perkara itu diyakini akan mendatangkan kemudaratan, maka perkara tersebut haruslah dicegah. Oleh itu, artikel ini menganalisis hukum perkahwinan bawah umur dengan membincangkan konsep *ahliyyah* kanak-kanak dalam perkahwinan seterusnya akan membuat kesimpulan mengenai perkahwinan bawah umur dari perspektif syariah dan undang-undang di Malaysia.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen melalui kaedah analisis induktif dan deduktif. Selain menjadikan kitab-kitab *fiqh* muktabar daripada pelbagai Mazhab sebagai sumber rujukan dalam memperolehi data kajian, kitab *uṣūl al-fiqh* juga telah dirujuk di samping menjadikan Al-Quran dan Hadith sebagai sumber rujukan utama.

4.0 PERBINCANGAN

Dalam menjelaskan mengenai perkahwinan bawah umur daripada perspektif *Syariah*, perbincangan dimulakan dengan penjelasan mengenai hukum perkahwinan dalam Islam secara umum tanpa memfokuskan terhadap hukum perkahwinan kanak-kanak secara khusus. Seterusnya artikel ini akan membincangkan mengenai kanak-kanak dalam Islam, dan juga konsep *ahliyyah* dalam perkahwinan yang seterusnya akan mengaitkan perbincangan ini dengan hukum perkahwinan kanak-kanak dengan mengupas pandangan *fuqahā'* yang menerima dan menolak perkahwinan kanak-kanak.

4.1 Hukum Perkahwinan Dalam Islam

Dalam menentukan hukum *taklīf* sesebuah perkahwinan, para *fuqahā'* berbeza pendapat mengenainya ('Umar Al-Rāziy, 1400). Ini kerana, sesebuah perkahwinan berbeza samada dari segi situasi dan juga individu yang terlibat dalam perkahwinan tersebut. Majoriti *fuqahā'* berpandangan bahawa perkahwinan menjadi wajib ke atas individu yang mampu untuk berkahwin dalam masa yang sama berisiko untuk melakukan zina sekiranya berterusan dalam keadaan tidak berkahwin. Ini adalah bersandarkan kepada hadith Nabi SAW yang menyuruh pemuda untuk berkahwin bagi mengelakkan mereka daripada melakukan dosa dan maksiat (Sharah Al-Nawawiy, 1996, no Hadith 1400).

Namun begitu, al-Nawawiy berpandangan bahawa dalam situasi di atas, hukum perkahwinan adalah sunat dan bukanlah wajib. Ini kerana suruhan yang diberikan oleh Nabi adalah suruhan yang membawa maksud sunat sahaja dan bukannya suruhan wajib (al-Nawawiy, 1996). Selain itu, sesebuah perkahwinan menjadi haram apabila seseorang itu meyakini bahawa akan berlaku kemudaratan atau kezaliman terhadap pasangannya sekiranya mereka berkahwin, sebagai contoh ketidakupayaan untuk memberi nafkah samada zahir mahupun batin.

Namun begitu, apabila berlaku pertembungan antara kewajipan dan pengharaman untuk berkahwin, maka haram bagi seseorang itu untuk berkahwin bersandarkan kepada kaedah *fiqh*: "*apabila berhimpunnya halal dan haram, maka haram akan mengatasi yang halal*". Sebagai contoh, seseorang itu meyakini bahawa dirinya akan melakukan zina sekiranya tidak berkahwin dalam pada masa yang sama juga meyakini bahawa akan memudaratkan isterinya sekiranya perkahwinan tersebut dilangsungkan. Dalam situasi ini, haram bagi seseorang individu tersebut untuk berkahwin (Wahbah al-Zuhayliy, 2008).

Sesebuah perkahwinan juga boleh menjadi makruh apabila seseorang itu mempunyai penyakit yang boleh membawa kepada kekurangan di dalam rumah tangga, namun tidak sampai ke tahap yang boleh memudaratkan pasangannya (Muṣṭafā Al-Khin, t.th). Sebahagian *fuqahā'* juga berpendapat bahawa sesebuah perkahwinan itu menjadi harus (*mubāh*) apabila seseorang itu tidak mempunyai keinginan untuk berkahwin dan tidak berisiko akan terjebak dengan perbuatan maksiat, dan tiada halangan baginya untuk berkahwin. Dalam keadaan ini, hukum perkahwinan adalah harus baginya.

Manakala sunat bagi seseorang yang mempunyai kecukupan dan keinginan namun diyakini tidak akan terjebak dengan maksiat sekiranya tidak berkahwin (Muḥammad Al-Jazīriy, 2003).

Hal ini adalah berdasarkan kepada kebanyakan hadis yang menggalakkan perkahwinan, antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْمُرُ بِالْبَاءَةِ وَيَنْهَى عَنِ التَّبْتُلِ نَهْيًا شَدِيدًا
وَيَقُولُ تَزَوَّجُوا الْوُدُودَ الْوُلُودَ إِلَيَّ مُكَاتِّرِ الْأَنْبِيَاءِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Analisis Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia dari Perspektif Syariah

Rasulullah SAW menyuruh agar berkahwin dengan seorang wanita yang memiliki kasih sayang serta menghasilkan banyak keturunan, kerana sesungguhnya aku berbangga untuk mempunyai umat yang ramai dengan para nabi lain pada hari kiamat.(Musnad Imam Ahmad, 2001, No Hadis 12613)

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, hukum perkahwinan terbahagi kepada lima, iaitu wajib, haram, sunat, makruh dan harus berdasarkan kepada situasi dan keadaan seseorang individu tersebut. Pandangan *fuqahā* mengenai hukum perkahwinan terpakai kepada semua individu Muslim tanpa pengecualian terhadap kanak-kanak.

4.2 Kanak-Kanak Dalam Islam

Bahasa arab merupakan bahasa yang kaya dengan kosa kata. Oleh itu, terdapat pelbagai istilah yang membawa maksud kanak-kanak, antaranya *ṣaghīr* (kanak-kanak dari sudut bahasa), *ṣabīy* (bayi yang baru dilahirkan), *raḍī* (bayi yang menyusu), *ṭifl* dan *faṭīm* pula membawa maksud kanak-kanak yang telah berhenti menyusu. Selain itu, *nāshī'* pula membawa maksud kanak-kanak yang boleh berfikir dengan baik, dan *murāhiq* pula adalah tahap umur sebelum meningkat umur dewasa. (*Al-Tha'ālabiy*, 2002). Kanak-kanak juga dianggap bukan mukalaf dan tidak dibebani dengan pelbagai tanggungjawab dalam Islam, bertepatan dengan *hadith* yang diriwayatkan oleh *Āishah*, mafhumnya, dosa diangkat dari tiga golongan, iaitu orang yang tidur hingga ia bangun, orang gila sehingga kembali kewarasannya dan kanak-kanak sehingga ia besar. (*Sunan Abū Dawūd*. 2009).

Dalam terminologi fiqh pula, orang dewasa dirujuk dengan istilah *baligh*. Para *fuqahā* bersependapat bahawa kayu ukur seseorang kanak-kanak lelaki telah mencapai umur *baligh* adalah apabila keluarnya air mani daripada kemaluannya disebabkan mimpi (*Sunan Abū Dawūd*. 2009, no hadith 4403), manakala bagi kanak-kanak perempuan adalah apabila telah didatangi haid (*Sunan Abū Dawūd*. 2009, 4104). Namun begitu, kanak-kanak perempuan juga boleh dikategorikan sebagai telah mencapai umur *baligh* sekiranya keluar air mani dari kemaluannya disebabkan oleh mimpi (*Sunan Ibn Mājah*, t.t, no hadith 602).

Namun begitu, terdapat juga keadaan di mana kanak-kanak tidak mengalami proses *baligh* secara semula jadi seperti keluar air mani mahupun haid. Dalam keadaan ini, kayu ukur *baligh* adalah diukur dengan tahap umur. Majoriti *fuqahā* dari Mazhab Hanafi (*Al-Kāsāniy*, 1986), Mazhab Syafie (*Al-Shāfi'iy*, 1990) dan Mazhab Hambali (*'Abd Allāh Ahmad Muḥammad Qudāmah*, 1986) berpandangan bahawa sekiranya seorang kanak-kanak itu tidak didatangi haid ataupun keluarnya air mani disebabkan mimpi, maka mereka dikira telah *baligh* apabila mencapai umur 15 tahun. Mazhab Maliki pula walaubagaimanapun menetapkan umur 18 tahun sebagai umur *baligh* (*Muḥammad bin 'Aliy Al-Ḥaṣḥafiy*, 2002).

Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan kanak-kanak perempuan mengalami menstruasi di antara umur 8 hingga 13 tahun, manakala kebanyakan kanak-kanak lelaki mencapai tahap akil *baligh* di antara umur 9 hingga 14 tahun (Government of Western Australia, Department of health, 2023). Dapatan kajian ini bertepatan dengan pandangan yang dikeluarkan oleh majoriti *fuqahā* bahawa umur *baligh* adalah 15 tahun.

Namun begitu, Akta kanak-kanak 2001 mendefinisikan kanak-kanak sebagai mereka yang berada di bawah umur 18 tahun. Berdasarkan kepada peruntukan ini, maka ditetapkan bahawa umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak bukan Muslim adalah 18 tahun, begitu juga bagi kanak-kanak lelaki Muslim. Malah, pada tahun 2018, Menteri yang memegang portfolio Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada ketika itu mencadangkan agar umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak perempuan hendaklah dinaikkan daripada 16 tahun kepada 18 tahun.

Secara kesimpulannya, kanak-kanak dalam Islam adalah mereka yang belum *baligh* secara semula jadi ataupun mereka yang belum mencecah umur 15 tahun. Mereka yang telah *baligh* dikira sebagai *mukallaf* dalam Islam. Namun begitu, dari segi undang-undang Malaysia, mereka di bawah umur 18 tahun dikira sebagai kanak-kanak walaupun secara hukumnya mereka adalah *mukallaf* dan telah dipertanggungjawabkan dengan *taklifan* dalam agama kerana telah *baligh*. Kanak-kanak dalam Islam tidak dibebankan dengan tanggungjawab terhadap melaksanakan suruhan agama termasuklah solat dan juga puasa di bulan Ramadan.

Malah, kebanyakan *fuqahā* daripada Mazhab Syafie dan Hanbali mensyaratkan *baligh* sebagai syarat sah sesuatu transaksi kewangan yang dijalankan. Ini bermakna bahawa transaksi kewangan termasuklah jual beli yang dilakukan kanak-kanak yang belum *baligh* adalah tidak sah di sisi *fuqahā* Mazhab Syafie dan Hanbali (Al-

Zuhayliy 2008). Namun begitu, *fuqahā* daripada Mazhab Hanafi dan Maliki pula berpendapat sebaliknya dan berpandangan bahawa transaksi kewangan yang melibatkan kanak-kanak yang belum *baligh* tetapi sudah *mumayyiz* adalah sah. Namun begitu, transaksi tersebut dikira belum mengikat dan terlaksana melainkan setelah kanak-kanak tersebut telah *baligh* ('Alā' al-Dīn Za'tariy, 2010).

Perkara ini secara jelas menunjukkan bahawa dalam menjalankan sesuatu perjanjian, atau transaksi kewangan, syarat *baligh* merupakan antara syarat yang harus dipenuhi oleh seseorang supaya *muāmalah* yang dijalankan adalah sah selain dapat meminimumkan risiko seperti kehilangan harta atau hak kerana *muāmalah* tersebut dilaksanakan oleh mereka yang berkelayakan.

Justeru itu, selari dengan *maqāsid* syarak dalam penjagaan terhadap agama, jiwa, harta, akal, dan keturunan, maka syarat *ahliyyah* ditetapkan bagi memastikan seseorang itu benar-benar berkelayakan untuk membuat keputusan dan bertanggungjawab di atas tindakan yang dilakukan. Namun begitu, sekiranya diteliti, didapati bahawa syarat *baligh* tidak diletakkan sebagai syarat kelayakan untuk melangsungkan perkahwinan. Ini membawa maksud bahawa kanak-kanak merupakan individu yang boleh melangsungkan perkahwinan dan sah di sisi agama. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari aspek *ahliyyah* di dalam perkahwinan dan juga muamalat yang lain.

4.3 Konsep *Ahliyyah* dalam Perkahwinan

Secara umumnya, majoriti *fuqahā* bersepakat terhadap keharusan dan sahnya perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak, namun begitu terdapat juga beberapa syarat dan perincian yang telah diletakkan oleh sebahagian ulama' mengenai keharusan perkahwinan ini (al-Zuhaily, 2008). Dalam membincangkan mengenai syarat *ahliyyah* kanak-kanak dalam perkahwinan, Mazhab Hanafi telah membezakan antara kelayakan kanak-kanak untuk berkahwin dengan mereka yang telah *baligh*.

Di sisi Mazhab Hanafi, wali tidak dikira sebagai rukun dalam akad perkahwinan (Al-Kāsāniy, 1986), berbeza dengan mazhab-mazhab yang lain yang majoritinya meletakkan wali sebagai salah satu komponen penting dalam akad perkahwinan. Namun begitu, dalam perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak, Mazhab Hanafi berpendapat bahawa *ahliyyah* kanak-kanak dalam perkahwinan adalah dikira sebagai kelayakan yang terbatas (*ahliyyah qāshirah*) dan ianya merupakan syarat sah akad perkahwinan sahaja. Oleh itu, sesebuah perkahwinan kanak-kanak yang belum *baligh*, dikira terlaksana dan boleh mengikat hak-hak yang berkaitan dengan perkahwinan setelah mendapat keizinan daripada wali kanak-kanak tersebut (al-Zuhaily, 2008). Oleh itu, di sisi Mazhab Hanafi yang pada asalnya tidak menjadikan wali sebagai rukun dalam perkahwinan, telah mensyaratkan keizinan daripada wali yang memiliki *ahliyyah kāmīlah* (kelayakan penuh) sebagai syarat laksana (*luzūm*) sesebuah perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak yang memiliki *ahliyyah qāshirah* (kelayakan terbatas).

Mazhab Maliki pula berpandangan bahawa sahnya perkahwinan kanak-kanak yang telah mendapat persetujuan daripada bapa kanak-kanak tersebut, ataupun pemegang amanah yang telah diamanahkan oleh bapa kanak-kanak tersebut ataupun setelah mendapat kebenaran daripada pemerintah (al-Sāwiy, t.th). Ini kerana, kanak-kanak yang belum *baligh* dikira masih belum matang dan memerlukan wali dalam membuat sesuatu keputusan yang penting terutamanya yang melibatkan perkahwinan.

Mazhab Syafie pula berpandangan bahawa hanya bapa kandung sahaja yang berhak untuk mengahwinkan kanak-kanak perempuan yang belum *baligh* (Al-Sharbīniy, 1994). Malah Mazhab Syafie juga dilihat lebih ketat dalam meletakkan syarat-syarat yang harus dipatuhi oleh seorang wali ketika hendak mengahwinkan anak perempuannya yang masih belum *baligh*. Antara syarat yang harus dipatuhi adalah, (i) tidak ada permusuhan yang jelas antara bapa tersebut dan anaknya, (ii) anak perempuan tersebut itu dikahwinkan dengan lelaki yang sekufu, (iii) hendaklah dikahwinkan anak perempuan tersebut dengan mahar yang setara dengan kedudukannya (*mithliy*), (iv) mas kahwin yang diberikan kepada kanak-kanak tersebut hendaklah menggunakan duit yang digunakan di kawasan tersebut, (v) pihak suami hendaklah berkemampuan dan tidak sukar untuk menyediakan mas kahwin yang telah ditetapkan, (vi) wali tidak boleh mengahwinkan anak perempuannya dengan lelaki yang secara pastinya dapat mendatangkan mudarat kepada kanak-kanak tersebut, dan (vii) kanak-kanak perempuan tersebut masih belum sampai ke tahap wajib menunaikan haji. Sekiranya diteliti, didapati bahawa syarat-syarat yang diletakkan oleh *fuqahā* ' Mazhab Syafie tidak lain hanyalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan kanak-kanak yang akan berkahwin. Walaupun *fuqahā* ' Mazhab Syafie bersetuju bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah sah di sisi syarak, namun perkahwinan ini juga tidak digalakkan seperti mana yang telah difatwakan dalam Mazhab Syafie (al-Nawawiy, 1996).

Mazhab Hanbali pula hanya membenarkan bapa kandung sahaja untuk menjadi wali bagi kanak-kanak perempuan yang belum baligh (Ibn Qudamah, 1968). Ini kerana, secara logiknya, hanya bapa kandung sahaja yang lebih mengenali anak mereka, dan menginginkan kebaikan kepada anak perempuannya berbanding mereka yang lebih jauh kedudukan kekeluargaan dengan kanak-kanak perempuan tersebut.

Oleh itu, berdasarkan kepada pandangan daripada pelbagai mazhab yang telah dinyatakan sebelum ini, didapati bahawa secara umumnya, majoriti *fuqahā* ' berpandangan sahnya perkahwinan kanak-kanak dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Justeru itu, dapat difahami bahawa umur tidak menjadi syarat *ahliyyah* dalam perkahwinan, bahkan di sisi syarak, kanak-kanak yang masih belum *baligh* adalah layak untuk melangsungkan perkahwinan.

Namun begitu, terdapat juga sebahagian ulama' yang meletakkan syarat *baligh* sebagai syarat sah perkahwinan, sekaligus menolak perkahwinan kanak-kanak yang belum *baligh*, antaranya ialah Ibn Shubrumah, Abu Bakr al-Asamm, dan 'Uthmān al-Battī (Ṣiddīq Sulaymān, 2018). Para sarjana Islam kontemporari juga dilihat berbeza pandangan mengenai penentuan umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak. Majma' al-Fiqh al-Islāmiy al-Duwalīy dalam resolusi ke-217 (1/23) menjelaskan bahawa tidak ada nas syarak yang jelas dalam menentukan had umur minimum perkahwinan, namun begitu resolusi tersebut mencadangkan agar kanak-kanak yang ingin berkahwin sekurang-kurangnya telah mencapai umur 15 tahun dan ke atas.

Selain itu, terdapat juga sebahagian *fuqahā* yang mensyaratkan *ahliyyah* umur sebagai syarat sah perkahwinan kepada kanak-kanak lelaki sahaja, dengan menyatakan bahawa sahnya perkahwinan kanak-kanak perempuan dengan lelaki dewasa, namun kanak-kanak lelaki tidak boleh menjadi orang yang menjalankan akad nikah (*al-aqid*) (Ibn Hazm, t.th). Pandangan yang dikeluarkan oleh Mazhab Zahiri ini adalah kerana melihat perbezaan tanggungjawab dan kewajipan antara suami dan isteri. Secara zahirnya, suami memegang tanggungjawab yang sangat besar dalam perkahwinan, antaranya adalah tanggungjawab memberi nafkah kepada keluarga dan juga tanggungjawab dalam mendidik ahli keluarga dalam mentaati Allah. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya Mazhab Zahiri menjadikan syarat *baligh* sebagai syarat *ahliyyah* bagi lelaki untuk berkahwin.

Berdasarkan kepada konsep *ahliyyah* dalam perkahwinan yang telah dijelaskan sebelum ini, secara kesimpulannya, ianya terbahagi kepada 3 pandangan, iaitu (i) pandangan yang tidak mensyaratkan umur *baligh* sebagai syarat sah perkahwinan, (ii) pandangan yang mensyaratkan umur *baligh* sebagai syarat sah perkahwinan dan (iii) pandangan yang mensyaratkan umur *baligh* sebagai syarat sah perkahwinan kepada kanak-kanak lelaki sahaja.

4.4 Pandangan *Fuqahā* ' Terhadap Perkahwinan Kanak-Kanak

Berdasarkan kepada pandangan *fuqahā* ' mengenai konsep *ahliyyah* dalam perkahwinan, dapat disimpulkan bahawa majoriti *fuqahā* ' daripada 4 mazhab fiqh berseutuju bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah sah di sisi syarak, namun begitu Ibnu Hazm al-Zāhirīy dari mazhab fiqh *zāhirīy* berpandangan bahawa perkahwinan kanak-kanak hanyalah diharuskan kepada kanak-kanak perempuan sahaja, dan bukan kepada kanak-kanak lelaki. Oleh itu, dapat difahami bahawa tiada had umur minimum perkahwinan yang telah ditetapkan oleh Syarak, namun begitu terdapat sebahagian *fuqahā* ' yang tidak menggalakkan perkahwinan kanak-kanak yang masih belum baligh (Al-Zuhaily, 2008).

Selain itu, terdapat juga pandangan *fuqahā* ' yang menolak perkahwinan kanak-kanak yang masih belum mencapai umur baligh, dan meletakkan syarat umur baligh sebagai *ahliyyah* dalam akad perkahwinan. Para sarjana Islam kontemporari juga turut berbeza pandangan dalam hal ini sehingga membawa kepada perbezaan pandangan antara mereka mengenai penentuan umur minimum dalam perkahwinan.

4.4.1 Hujah-Hujah Yang Menyokong Perkahwinan Bawah Umur

Kebanyakan *fuqahā* ' yang menerima perkahwinan kanak-kanak adalah berdasarkan kepada dalil-dalil yang disepakati daripada Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qiyas. Antara dalil yang menjadi hujah *fuqahā* ' dalam membenarkan perkahwinan kanak-kanak adalah seperti yang terdapat di dalam surah al-Nur, ayat 32:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ

“Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu” (Surah al-Nur, 24:32)

Perkataan *al-ayāmā* adalah daripada perkataan *al-ayyim* yang membawa maksud mereka yang bujang samada lelaki atau perempuan tanpa mengira tahap umur tertentu (Abu Hayyan Muhammad, t.th). Ini membawa maksud bahawa pensyariatkan perkahwinan adalah umum kepada semua tanpa mengira usia. Selain itu, terapat sebahagian *fuqahā* yang menerima perkahwinan kanak-kanak berdasarkan kepada surah al-Ṭalāq, ayat 4:

وَاللَّائِي يَكْسَنُ مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنْ ارْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَاللَّائِي لَمْ
يَحْضُنَّ

“Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh idah mereka) maka idahnya ialah tiga bulan; dan (demikian) juga idah perempuan-perempuan yang tidak berhaid..” (Surah al-Ṭalāq, 65: 4)

Ayat di atas menyebut mengenai iddah wanita yang tidak mempunyai haid yang telah diceraikan oleh suami mereka. al-Ṭabariy ketika menafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan “*orang perempuan yang tidak berhaid*” adalah merujuk kepada kanak-kanak perempuan yang masih kecil dan belum baligh (Al-Tabariy, 1988) dan tidak merujuk kepada wanita yang telah putus haid (*menopaus*). Ini kerana, di permulaan ayat ini, perkataan “*perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid*” adalah merujuk kepada wanita berumur yang telah putus haid. Sekiranya *وَاللَّائِي لَمْ يَحْضُنَّ* dihujung ayat ini juga merujuk kepada wanita yang telah putus haid, maka pasti telah berlaku pengulangan makna di dalam ayat yang sama yang sama tanpa sebarang faedah. Justeru, dalam ayat ini, “*perempuan-perempuan yang tidak berhaid*” adalah merujuk kepada kanak-kanak perempuan yang masih belum *baligh*. Oleh itu, kebanyakan *fuqahā* berujah dengan keharusan perkahwinan kanak-kanak yang belum *baligh* kerana daripada ayat ini dapat difahami bahawa *iddah* mereka yang belum didatangi haid adalah selama 3 bulan. Seseorang wanita itu beriddah disebabkan oleh penceraian atau kematian suami, di mana perkara tersebut hanya boleh dilalui setelah melalui proses perkahwinan. Maka, secara tidak langsung, ayat ini juga membawa maksud bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah sah di sisi syarak.

Sebahagian *fuqahā* juga berujah dengan keharusan perkahwinan kanak-kanak berdasarkan kepada keharusan perkahwinan anak yatim seperti yang telah dinyatakan di dalam surah al-Nisā’, ayat 3:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan lain. (Surah al-Nisā’, 4:3)

Terminologi “anak yatim” di sisi syarak adalah untuk mereka yang belum mencapai umur *baligh*, seperti yang disabdakan oleh Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh ‘Aliyy bin Abī Ṭālib, “*tidak ada yatim selepas bermimpi*” (*Sunan Abū Dawūd.*, nombor hadis 2873). Justeru, secara tidak langsung ayat di atas menunjukkan keharusan perkahwinan kanak-kanak yang belum *baligh*. Selain itu, pandangan ini juga turut bersandarkan kepada perkahwinan Rasulullah SAW bersama ‘Āishah dalam keadaan beliau yang masih kecil. Perkara ini disebutkan sendiri oleh ‘Āishah dalam meriwayatkan hadis mengenai perkahwinan beliau dan Rasulullah SAW:

تَزَوَّجَنِي النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَأَنَا ابْنَةُ سِتٍّ، وَبَنِي بِي وَأَنَا ابْنَةُ تِسْعٍ

Nabi SAW mengahwiniku dalam keadaan aku seorang anak perempuan yang berumur 6 tahun. Dan Baginda bersama dengan aku pada umur 9 tahun (*Sharḥ Al-Nawawiy ‘alā Muslim. Kitāb al-Nikāh, Nombor hadis 5133*)

Pandangan jumhur ini juga dikuatkan oleh ijmak ulama’ yang menyatakan keharusan seorang wali untuk mengahwinkan anak perempuannya yang masih belum baligh dengan lelaki yang sekufu, dan keharusan

ini tidaklah terhad kepada kanak-kanak perempuan sahaja, bahkan ianya termasuk juga kepada kanak-kanak lelaki yang masih belum *baligh* (Al-Naysābūriy, 2004).

Kebanyakan pandangan *fuqahā'* yang dinyatakan di atas bersetuju dengan perkahwinan kanak-kanak secara umum. Namun begitu, Ibn Hazm dari Mazhab Zahiri pula berpandangan bahawa keharusan perkahwinan kanak-kanak ini hanyalah terhad kepada kanak-kanak perempuan sahaja, dan tidak kepada kanak-kanak lelaki. Ini kerana, kebanyakan dalil dan nas yang berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak yang belum *baligh* merujuk secara khusus kepada kanak-kanak perempuan sahaja (Ibn Hazm, t.th).

Namun begitu, walaupun kebanyakan nas mengenai perkahwinan kanak-kanak merujuk kepada kanak-kanak perempuan sahaja secara khusus, majoriti *fuqahā'* menggunakan *qiyās* bagi mengharuskan perkahwinan kanak-kanak lelaki seperti mana jelas nas-nas syarak yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak perempuan tanpa disyaratkan *ahliyyah* umur, begitu juga di*qiyās*kan kanak-kanak lelaki juga diharuskan untuk berkahwin tanpa syarat *ahliyyah* umur. Selain itu, pandangan yang membenarkan perkahwinan bawah umur ini juga turut disokong oleh hadis-hadis yang menganjurkan agar disegerakan perkahwinan, antaranya seperti sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd Allāh bin Mas'ūd:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ؛ فَلْيَتَزَوَّجْ، فَإِنَّهُ أَعْضُ لِلْبَصْرِ،
وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ؛ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ؛ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ

“Wahai sekalian pemuda, sesiapa yang mempunyai kemampuan, maka berkahwinlah. Maka sesungguhnya perkahwinan lebih dapat menundukkan pandangan, lebih dapat menjaga kemaluan. Dan sesiapa yang tidak mampu, maka dia hendaklah berpuasa, sesungguhnya berpuasa itu sebagai satu perisai.” (Sharḥ Al-Nawawiy ‘alā Muslim, nombor hadis 1400)

Berdasarkan kepada penjelasan sebelum ini, dapat disimpulkan bahawa tiada nas yang *ṣaḥīḥ* dan *ṣarīḥ* dalam menentukan syarat umur perkahwinan. Oleh itu, majoriti *fuqahā'* berpandangan bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah harus selagi mana perkahwinan tersebut tidak mendatangkan kemudaratan kepada kanak-kanak yang terlibat. Sekiranya jelas perkahwinan yang dijalankan akan mendatangkan kemudaratan kepada kanak-kanak tersebut, maka perkahwinan tersebut hendaklah dihalang. Malah, kemudaratan yang perlu di halang, tidaklah terhad kepada perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak semata, malah kepada semua perkahwinan secara umum.

4.4.2 Hujah-Hujah Yang Menolak Perkahwinan Bawah Umur

Sebagaimana sebahagian *fuqahā'* yang mengharuskan perkahwinan kanak-kanak berdasarkan dalil-dalil daripada Al-Quran dan Hadis, sebahagian *fuqahā'* yang menolak perkahwinan kanak-kanak juga berhujah sedemikian berpandukan kepada dalil daripada Al-Quran dan Hadis. Sebagai contoh, ayat 6 daripada surah al-Nisā':

وَابْتَلُوا الْيَتَامَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ

Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa) (Surah al-Nisā', 4:6)

Ayat di atas menjelaskan mengenai kewajipan menjaga anak-anak yatim sehingga mencapai “*umur berkahwin*”. Perkataan “*umur berkahwin*” seolah-olah membawa maksud bahawa wujudnya had umur minimum sebagai syarat *ahliyyah* seseorang untuk membolehkan dia berkahwin. Namun begitu, majoriti sarjana dalam bidang tafsir berpandangan bahawa ayat ini bukanlah merujuk kepada had umur yang dibenarkan berkahwin, namun ianya menjelaskan mengenai umur yang dianggap dewasa (al-Tabariy, 1988). Selain itu, pendapat ulama kontemporari yang menolak perkahwinan kanak-kanak dengan menetapkan umur minimum perkahwinan adalah bertujuan untuk memelihara kemaslahatan kanak-kanak yang terlibat dalam perkahwinan tersebut (Yūsuf al-Qaḍāwiy, 2012).

Tambahan pula, nas-nas syarak yang secara umumnya menggalakkan perkahwinan hendaklah ditakwilkan dengan dikhususkan maknanya kepada mereka yang telah mencapai umur yang sesuai untuk berkahwin, dan bukannya difahami secara umumnya keharusan berkahwin kepada seluruh peringkat umur.

4.5 Analisis Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Syariah dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia

Berdasarkan kepada dalil-dalil bagi setiap pandangan *fuqahā'* yang menyokong mahupun menolak perkahwinan bawah umur, pengkaji secara peribadi, dengan melihat kepada keadaan masyarakat sekarang, cenderung untuk bersetuju dengan pandangan yang mengharuskan perkahwinan bawah umur terhadap kanak-kanak perempuan sahaja, dan tidak terhadap kanak-kanak lelaki. Ini kerana, menjadi seorang suami memerlukan seseorang lelaki itu untuk memikul tanggungjawab yang sangat besar terutamanya dalam menafkahi dan mendidik ahli keluarga mengikut acuan agama.

Namun begitu, perlulah diingatkan bahawa pandangan *fuqahā'* yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak hakikatnya berada dalam daerah harus ataupun *mubāh*, dan bukannya sebagai satu galakan dan anjuran syarak. Oleh itu, perkara-perkara yang harus juga bukan selama-lamanya akan kekal sebagai harus, tetapi ia bergantung kepada sejauh mana amalan ini tidak membawa kepada kemudharatan. Namun jika ternyata amalan perkahwinan bawah umur ini membawa kepada kemudharatan, maka hukum perkahwinan bawah umur ini tidak lagi dihukum harus seperti yang dinyatakan oleh para *fuqahā'* silam.

Asas kepada pemilihan *tarjih* ini adalah kerana nas-nas dalil daripada Quran dan Sunnah jelas menunjukkan bahawa perkahwinan kanak-kanak perempuan yang masih kecil dianggap sah. Manakala kanak-kanak lelaki walaupun boleh *dqiyyā* kepada kanak-kanak perempuan dari sudut keharusan untuk berkahwin, namun hakikatnya terdapat perbezaan yang besar antara suami dan isteri dalam memikul amanah dan tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Justeru adalah lebih munasabah untuk mengenakan syarat *ahliyyah* umur kepada lelaki untuk berkahwin, kerana implikasi selepas berkahwin ini adalah besar bagi lelaki dan memerlukan kepada kematangan ilmu dan pengalaman.

Namun begitu, realitinya terdapat perbezaan antara umur kanak-kanak dari perspektif Islam dan juga undang-undang di Malaysia. Kanak-kanak dalam Islam adalah mereka yang belum mencapai umur *baligh*, namun kanak-kanak dari perspektif undang-undang adalah mereka yang berumur di bawah 18 tahun. Dari perspektif Syariah, perkahwinan kanak-kanak adalah perkahwinan mereka yang belum *baligh*. Namun begitu, dari segi undang-undang di Malaysia, perkahwinan kanak-kanak adalah perkahwinan mereka yang belum mencapai umur 18 tahun. Oleh itu, dari perspektif Syariah, seseorang yang berumur di bawah 18 tahun yang telah *baligh* dan berkahwin, hakikatnya mereka bukan berada di dalam kategori kanak-kanak yang berkahwin, malah mereka adalah dikira sebagai *mukallaf* kerana telah mencapai umur *baligh*. Namun begitu, dari segi undang-undang mereka yang berumur di bawah 18 tahun adalah dikategorikan sebagai kanak-kanak.

Oleh itu, berdasarkan kepada pandangan *fuqahā'* mengenai perkahwinan kanak-kanak dan juga peruntukan undang-undang di Malaysia mengenai had umur kanak-kanak, pengkaji secara peribadi bersetuju dengan penetapan had umur minimum perkahwinan yang telah ditetapkan iaitu 16 tahun bagi kanak-kanak perempuan dan 18 tahun bagi kanak-kanak lelaki¹. Walaupun secara legalnya mereka yang berada di bawah umur 18 adalah dikira kanak-kanak, namun dari perspektif Syariah, mereka yang berumur atas daripada 15 tahun adalah telah dikira sebagai *mukallaf* kerana telah mencapai umur *baligh*.

Oleh itu, peruntukan yang telah ditetapkan oleh undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri di Malaysia agar pemohon di bawah umur minimum perkahwinan mendapatkan kebenaran daripada mereka yang berautoriti untuk melangsungkan perkahwinan adalah satu peruntukan yang baik. Ini kerana, perkahwinan kanak-kanak tidak boleh dihukumkan dengan haram, melainkan terdapat dalil yang jelas yang menghukumkan perkahwinan kanak-kanak adalah haram. Maka, kebenaran perkahwinan kanak-kanak adalah bergantung kepada kebijaksanaan Hakim Mahkamah Syariah dalam mengenal pasti dan mempertimbangkan situasi pemohon samada perkahwinan yang akan berlangsung akan mendatangkan mafsadah kepada pemohon atau sebaliknya. Sekiranya dengan kebijaksanaan Hakim Syarie dapat mengenal pasti kemudharatan yang secara pastinya akan berlaku di dalam perkahwinan tersebut, maka perkahwinan itu boleh dikategorikan sebagai haram dan hendaklah dihalang. Sebagai contoh, perkahwinan kanak-kanak perempuan dengan penagih dadah. Secara pastinya situasi ini akan mendatangkan kemudharatan kepada kanak-kanak tersebut.

¹ Di Malaysia, penetapan umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak perempuan adalah 16 tahun di kebanyakan negeri kecuali Selangor yang menetapkan 18 tahun umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak perempuan. Manakala, umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak lelaki adalah 18 tahun. Penetapan ini telah termaktub di dalam Akta / Enakmen / Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam di negeri-negeri di Malaysia.

Oleh itu, bagi memastikan kemaslahatan kanak-kanak yang terlibat dengan perkahwinan dapat dipelihara, penilaian dan kebenaran daripada mereka yang berautoriti adalah sangat baik dalam memastikan segala kemudahan dapat ditolak. Walaupun secara asasnya perkahwinan bawah umur adalah harus, perlulah difahami bahawa keharusan kanak-kanak untuk berkahwin adalah tertakluk kepada *maşlahah*. Justeru, apabila tertolaknya *maşlahah*, seperti jika berlakunya mafsadah dalam perkahwinan tersebut, maka perkahwinan tersebut adalah tertolak di sisi syarak, dan pihak yang berautoriti perlulah mengambil tindakan bagi membatalkan (*fasakh*) perkahwinan tersebut.

5.0 Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini, pengkaji menyimpulkan bahawa umur *baligh* bukanlah syarat *ahliyyah* dalam perkahwinan. Oleh itu, perkahwinan bawah umur dari sudut pandang Syarak secara umumnya adalah dibenarkan. Namun begitu, ianya tidak bermakna bahawa perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak adalah digalakkan. Keharusan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak adalah tertakluk kepada sejauh mana perkahwinan tersebut tidak mendatangkan kemudahan kepada kanak-kanak yang terlibat. Sekiranya secara jelas dibuktikan bahawa perkahwinan yang akan dilangsungkan oleh kanak-kanak tersebut akan mendatangkan kemudahan kepada dirinya, maka perkahwinan tersebut dihukumkan sebagai haram.

Peruntukan yang terdapat di dalam undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri di Malaysia agar pemohon di bawah umur minimum perkahwinan mendapatkan kebenaran daripada Hakim Mahkamah Syariah untuk melangsungkan perkahwinan adalah satu peruntukan yang sangat baik dalam memastikan perkahwinan tersebut tidak akan mendatangkan kemudahan kepada kanak-kanak yang terlibat. Dalam memberikan kebenaran kepada kanak-kanak yang ingin berkahwin, sudah pasti pelbagai pertimbangan yang melibatkan aspek penolakan mafsadah dan penghasilan *maşlahah* terhadap kanak-kanak diambil kira oleh mereka yang berautoriti.

Walaubagaimanapun, hakikatnya, mana-mana perkahwinan tidak menjamin kebahagiaan secara seratus peratus kepada mereka yang berkahwin, termasuklah perkahwinan kanak-kanak. Oleh itu, sekiranya perkahwinan seseorang kanak-kanak didapati menyebabkan kemudahan kepada kanak-kanak yang terlibat, maka ahli keluarga dan pihak yang berautoriti memainkan peranan yang penting dalam menolak kemudahan daripada kanak-kanak tersebut dengan cara membubarkan perkahwinan tersebut mengikut prosedur yang betul.

Justeru, aspek *maşlahah* dan mafsadah dalam perkahwinan adalah antara aspek penting yang perlu dikaji dan diberikan perhatian oleh pihak mahkamah dalam membuat sebarang keputusan dalam membenarkan ataupun menolak permohonan-permohonan perkahwinan bawah umur, serta dalam membubarkan sesebuah perkahwinan yang ternyata mendatangkan kemudahan kepada mereka yang terlibat.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia di bawah tajuk “Analisis Aspek Penjagaan *Kulliyat Al-Khoms* Dalam Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam Terhadap Pemohon Perkahwinan Bawah Umur Di Malaysia”. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kerana tajaan dan pembiayaan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abū al-‘Abbās al-Mālikīy al-Şāwīy. t.th. *Bulghah Al-Sālik Li Aqrab Al-Masālik Al-Ma’rūf Bi Ḥāshiyah Al-Şāwī ‘alā Al-Şarḥ Al-Kabīr*. Dār al-Ma’ārif.
- Abū Dawūd Sulaymān Al-Ash‘ath. 2009. *Sunan Abū Dawūd*. Edited by Shu‘aib Al-Arnaūṭ. Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ālamīyyah.
- Abū Ḥayyān Muḥammad bin Yūsuf bin Ḥayyān Athīr al-Dīn al-Andalusīy. *Al-Baḥr Al-Muḥīṭ Fī Al-Tafsīr*. Edited by Şidqīy Muḥammad Jamīl. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr, n.d.
- Abū Ja’far Muḥammad Ibn Jurayr al-Ṭabariy, 1988. *Jāmi‘ Al-Bayān ‘an Al-Ta’wīl Ayāh Al-Qurān* (Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr).
- Abū Dawūd Sulaymān Al-Ash‘ath, *Sunan Abū Dawūd*.
- Abū Muḥammad ‘Aliyy Aḥmad Ibn Hazm, *Al-Muḥallā Bi Al-Āthār* (Beirut: Dār al-Fikr, Al-Dhahabiy, Shams al-Dīn. 2001. *Siar A’lām Al-Nubalā’*. Muassasah al-Risālah.
- Al-Nawawīy, Yahyā Sharaf Abū Zakariyyā. 1996. *Şarḥ Al-Nawawīy ‘alā Muslim*. Dār al-Khayr.

- Al-Naysābūriy, Muḥammad bin Ibrāhīm al-Mundhir. 2004. *Al-Ijmā'*. Edited by Fu'ād 'Abd al-Mun'im Aḥmad. Dār al-Muslim li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Al-Sharbīniy, Shams al-Dīn Muḥammad al-Khaṭīb. 1994. *Mughnī Al-Muḥtāj Ilā Ma'rifah Ma'anī Alfāz Al-Minhāj*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ṭabariy, Abū Ja'far Muḥammad Ibn Jurayr. 1988. *Jāmi' Al-Bayān 'an Al-Ta'wīl Ayāh Al-Qurān*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.
- Al-Zuhayliy, Wahbah. 2008. *Al-Fiqh Al-Islāmiy Wa Adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Alvan Fathoni, 2017. "Perkawinan Anak di Bawah Umur dalam Perspektif Hukum Islam dan Sosiologi Hukum", al-Turas Jurnal Studi Keislaman, 69.
- 'Abd Allāh Aḥmad Muḥammad Qudāmah al-Maqdisiy. 1968. *Al-Mughnī*. Kaherah: Maktabah al-Qāhirah.
- 'Alā' al-Dīn, Al-Kāsāniy Al-Ḥanafiy. 1986. *Badāi' Al-Ṣanāi' Fī Tartīb Al-Sharāi'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn 'Umar. 1992. *Radd Al-Muḥtār 'Alā Al-Durr Al-Mukhtār*. 2nd ed. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Hazm, Abū Muḥammad 'Aliyy Aḥmad. t.th. *Al-Muḥallā Bi Al-Āthār*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Muḥammad bin Aḥmad Shams al-A'immah al-Sarakhsiy. 1993. *Al-Mabsūṭ*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhāriy. t.th. *Al-Jāmi' Al-Musnad Al-Ṣaḥīḥ Al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh Ṣallā Allāh 'Alayh Wa Sallam Wa Sunanih Wa Ayyāmih*. Edited by Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir Al-Nāṣir. Dār Ṭawq al-Najāh.
- Muḥammad Rawās Qal'ajī, Ḥāmid Ṣādiq Qunaybī. 1998. *Mu'Jam Lughah Al-Fuqahā'*. Dār al-Nafāis li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Noor Aziah Mohd Awal, Mohd Al Adib Samsuri, 2018. Child Marriage in Malaysia (Working Paper).
- Rachel Kidman, 2017. "Child Marriage And Intimate Partner Violence: A Comparative Study Of 34 Countries", International Journal of Epidemiology.
- Shibīr, Muḥammad 'Uthmān. 2007. *Al-Mu'āmalāt Al-Māliyyah Al-Mu'āṣirah Fī Al-Fiqh Al-Islāmiy*. Jordan: Dār al-Nafāis.
- Stein, J. S., 2013. "Early to Wed: Teenage marriage in post-war America", The Journal of the History of Childhood and Youth, 6(2).
- Nor Jana Saim et al., 2018. "Perkahwinan Remaja: Satu Kajian Di Kuching, Sarawak," *Jurnal Psikologi Malaysia* 32, no. 3: 47–61.
- Rasyid, A., & Siregar, S. (2022). Fenomena Menarik Perkawinan Dibawah Umur Menjadi Trend Masa Kini di Bittuju Tapanuli Selatan. *AL-MANHAJ: Jurnal Hukum Dan Pranata Sosial Islam*, 4(1), 63.
- Kohno, A., Dahlui, M., Nik Farid, N.D. et al. Why girls get married early in Sarawak, Malaysia - an exploratory qualitative study. *BMC Women's Health* 20 (2020), 46.
- A. M. Sultana, Md. Abdus Salam, "A Study on Impact of Early Marriage on Women Health in Bangladesh," *Journal of Advanced Research in Business, Marketing, And Supply Chain Management* 1.1. (2017), 54-60.
- Eucharia Nchedo Aye, Amuda Robinson, Celestine Okwudili Eze, Ngozi Eucharia Eze, Theresa Olunwa Oforka, "Impact of Child Marriage on Health of Adolescent Girls in Kaduna State, Nigeria," *International Journal of Applied Engineering Research* 13.23 (2018), 16152-16161.
- Nour, Nawal M. "Health Consequences Of Child Marriage In Africa," *Emerging Infectious Diseases* 12.11 (2006), 1645.
- Zanariah Noor, "Perkahwinan Kanak-Kanak Dan Tahap Minima Umur Perkahwinan Dalam Undang-Undang Keluarga Islam," *Jurnal Syariah* 21.2 (2013) 165-190.
- Stein, J. S., "Early to Wed: Teenage Marriage in Post-War America," *The Journal of the History of Childhood and Youth* 6.2 (2013), 359-382.
- Nur Syamila Kamarul Arefin, "Mundur Punca Kahwin Bawah Umur Tinggi Di Sabah, Sarawak", Laman sesawang Free Malaysia Today, diakses 7 Ogos 2020, <https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2018/08/01/mundur-punca-kahwin-bawah-umur-tinggi-di-sabah-sarawak/>